

Headline	UTM, FRIM hidupkan ladang kampus		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	02 Feb 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	23	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	374 cm <sup>2</sup>
Journalist	Nurul Amanina Suhaini	AdValue	RM 12,892
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,676



# UTM, FRIM hidupkan ladang kampus

➔ Perkongsian kepakaran bolehkan 3,736 pelbagai spesies pokok ditanam

**Oleh Nurul Amanina Suhaini**

bhjb@bh.com.my

✦ Johor Bahru

**U**niversiti Teknologi Malaysia (UTM) menjalin kerjasama dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bagi membangunkan semula projek perhutanan bertujuan menghidupkan ladang kampus sebagai hutan simpan.

Menerusi kerjasama itu, perkongsian kepakaran yang dimulakan sejak September 2012 membuah hasil menerusi penana-

man 3,736 pelbagai spesies pokok termasuk herba dan buluh di kawasan seluas 12 hektar.

## **Kaedah penanaman berbeza**

Najib Canselor UTM, Prof Datuk Dr Wahid Omar, berkata projek yang dimeterai menerusi majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) itu membabitkan kos berjumlah RM600,000, dengan fasa pertama merangkumi 10 hektar tumbuhan hutan, selain masing-masing satu hektar bagi tanam herba dan buluh.

"FRIM menggunakan kaedah penanaman yang berbeza iaitu Penanaman Kluster Sistemik bagi membolehkan pokok getah tua di-

gantikan secara beransur-ansur dengan spesies terpilih," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan penanaman pokok merbau bersempena Program Reforestation di Hutan Rekreasi UTM, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah FRIM, Dr Ahmad Zuhaidi dan Koordinator Projek, Prof Dr Maketab Mohamad.

Wahid berkata, UTM bercadang menjadikan hutan kampus berkenaan berstatus hutan simpan, selain memanfaatkan generasi masa depan terutama di bandar raya ini.

## **Mengintegrasikan projek**

Katanya, bagi tempoh jangka panjang, UTM sedang mengintegrasikan projek berkenaan dengan beberapa projek lain termasuk eko pelancongan, ekopendidikan dan projek konservasi.

Beliau berkata, antara spesies pokok yang terpilih termasuk meranti, chengal, keruing, merbau, nyatoh, jelutong, kempas, pulai, berhian, engkabang, kulim dan sentul.

Headline	UTM, FRIM hidupkan ladang kampus		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	02 Feb 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	23	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	374 cm <sup>2</sup>
Journalist	Nurul Amanina Suhaini	AdValue	RM 12,892
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,676



Headline	UTM, FRIM hidupkan ladang kampus		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	02 Feb 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	23	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	374 cm <sup>2</sup>
Journalist	Nurul Amanina Suhaini	AdValue	RM 12,892
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,676



**Wahid (depan dua dari kanan) bersama Dr Ahmad Zuhaidi (kiri, depan) pada majlis perasmian penanaman pokok merbau bersempena Program Reforestation di Hutan Rekreasi UTM, Johor Bahru.**